

23/10/2003

Pemuda tidak perlu bantah pengkritik PM

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno tidak akan mengemukakan surat bantahan terhadap pihak yang mengkritik Perdana Menteri kerana tindakan itu tidak akan membawa perubahan dan manfaat kepada masyarakat Islam.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata sebaliknya Pemuda akan menjayakan usaha untuk melengkapkan diri masyarakat Islam, khususnya di negara ini dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi cabaran.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam harus meneroka teknologi dan menghayati tamadun Islam yang canggih bagi memastikan umat Islam terus maju setanding bangsa lain di dunia.

"Jika kita hanya melihat kepada bantahan dan retorik, kita akan terus daif 20 hingga 30 tahun dari sekarang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Rakan Muda Ramadan 2003, di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kecaman pihak tertentu terhadap

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan ucapan pembukaannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), yang dianggap oleh pemimpin dan media Barat sebagai anti-Yahudi.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, kritikan terhadap Perdana Menteri itu tidak adil dan ia adalah cara pihak terbabit

untuk menakut-nakut dan melenyapkan orang yang tahu mengenai ketidakadilan yang berlaku.

Bagaimanapun, katanya, Dr Mahathir tidak akur dengan tuntutan pihak terbabit sebaliknya terus memperjuangkan kebenaran sehingga akhirnya mereka mengakui perkara berkenaan.

Beliau memberi contoh bagaimana tindakan Malaysia menangani krisis ekonomi serantau pada 1997 lalu, yang dikritik hebat akhirnya diakui sebagai tindakan yang tepat oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kita akan terus mempertahankan pendirian kita berdasarkan fakta. Saya percaya, majoriti akhirnya akan menerima hakikat. Akhirnya suara-suara kecil akan disahut suara kecil lain dan akhirnya menjadi suara yang besar," katanya.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, generasi muda harus mempunyai keberanian, keyakinan, ilmu, kemahiran, pendirian berdasarkan fakta dan hujah yang bernas serta tidak perlu gentar dengan ugutan pihak yang mempunyai agenda tersendiri.